

PERBANDINGAN PARAMETER-PARAMETER FIZIKAL ANTARA PANTAI DAN  
MUARA SUNGAI TERENGGANU DENGAN PANTAI DAN MUARA SUNGAI  
PULAU REDANG

MAHASAN SETAPA

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
SERDANG, SELANGOR

1994



LP 271

1100023769

ark

LP 13 FPSS 1 1994



1100023769

Perbandingan parameter-parameter fizikal antara pantai dan muara Sungai Terengganu dengan pantai dan muara sungai Pulau Redang / Mahasan Setapa.



**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

**1100023769**

1100023769		

Lihat sebelah

*(Small faint text)*

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP  
13  
FPSS  
1994

**PERBANDINGAN PARAMETER-PARAMETER FIZIKAL ANTARA PANTAI DAN  
MUARA SUNGAI TERENGGANU DENGAN PANTAI DAN MUARA SUNGAI**

**PULAU REDANG**

**OLEH:**

**MAHASAN SETAPA**

**LAPORAN INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK  
MENDAPATKAN BACELOR SAINS PERIKANAN**

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
SESSI 1993/94**

**1100023769**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan laporan projek tahun akhir ini.

Terimakasih dan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia projek, En. Rosnan Yaakob di atas nasihat, tunjuk ajar dan dorongan beliau dalam menjalankan projek ini. Tidak ketinggalan juga kepada Pensyarah, pembantu makmal, staf perpustakaan dan kawan-kawan serta individu-individu tertentu yang banyak membantu samada secara langsung atau tidak.

Istimewa buat ayahanda, bonda serta keluarga dan yang tersayang terimakasih diucapkan kerana berkat doa kalian, maka saya telah berjaya mengharungi dugaan sepanjang tempoh pengajian umumnya dan dalam menyiapkan projek ini khasnya.

Semoga sumbangan fizikal dan mental yang telah diberikan akan mendapat balasan daripada Tuhan.

Mahasan Setapa

Universiti Pertanian Malaysia.

(31068)

## ABSTRAK

Kajian perbandingan parameter fizikal dan taburan sedimen antara pantai dan muara sungai Terengganu dengan pantai dan muara sungai Pulau Redang telah dijalankan daripada bulan Ogos 1993 sehingga Januari 1994. Di antara parameter-parameter yang diambil ialah halaju dan arah arus, saliniti pH dan suhu. Terdapat 25 stesen di pantai dan muara sungai Terengganu dan 12 stesen bagi muara sungai Pulau Redang. Halaju arus berjulat antara 0.071 m/s sehingga 0.412 m/s di muara Sungai Terengganu dan 0.022 m/s sehingga 0.232 m/s bagi muara Pulau Redang. Purata kemasinan di muara sungai Terengganu ialah 32.3 ppt manakala di muara sungai Pulau Redang ialah 32.5 ppt. Suhu purata ialah 28.13°C di muara sungai Terengganu dan 30.9°C di muara sungai Pulau Redang. Halaju arus dan aktiviti manusia terdiri daripada campuran pasir kasar manakala di muara sungai Pulau Redang terdiri daripada campuran pasir yang sangat halus dan pasir kasar. Kawasan pantai Kuala Terengganu terdiri daripada pasir yang berubah-ubah mengikut aktiviti sekitaran manakala pantai Pulau Redang terdiri daripada bukit batu yang curam.